



**KERJA-KERJA PEMBINAAN DERMAGA BARU
"LIQUID BULK TERMINAL 4 (LBT4)"
KELANG MULTI TERMINAL, PELABUHAN BARAT**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 27 Mei 2003.

RALAT

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan bagi sebuah dermaga baru untuk kemudahan pengendalian kargo cecair pukat *Liquid Bulk Terminal 4 (LBT4)* akan dijalankan di pelabuhan Kelang Multi Terminal (Westport), di lokasi seperti gambarajah Lampiran A dan Lampiran B.

2. Keseluruhan projek bagi pembinaan dermaga LBT4 ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam dua fasa. Bagi peringkat fasa satu (*phase one*), kerja-kerja menanam cerucuk dicadang akan dimulakan pada 27 Mei 2003. Kerja menanam cerucuk, yang dirancangkan memakan masa selama tempoh kira-kira 10 minggu itu dijangka akan tamat pada 5 Ogos 2003. Dimaklumkan juga bahawa dua buah barj, iaitu **Ketara 4** dan **Ketara 6** akan digunakan dalam kerja-kerja tersebut, bagi membawa kelengkapan menanam cerucuk (*piling rigs*).

3. Sehubungan dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada kawasan projek dan vesel-vesel yang terlibat dalam projek itu.

4. Dengan pengeluaran Pekeliling Pelabuhan ini (No. 9/2003), maka Pekeliling yang terdahulu, **No: 7/2003** bertarikh 23 Mei 2003, adalah **terbatal**.

Sekian, terima kasih.

(**MOHD SANI BIN ROSLI**)
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar LPK.
(u.p: Bahagian Kawalselia)